



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(104)
Tarikh: 13 FEBRUARI 2023

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

HARI IBU BAPA DAN PENYERAHAN PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) AKHIR SESI AKADEMIK TAHUN 2022/2023

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas.

02. Pihak sekolah akan mengadakan Hari Ibu Bapa dan Penyerahan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Akhir Sesi Akademik Tahun 2022/2023 pada **17 Februari 2023 (Jumaat)**. Ibu bapa / penjaga adalah diminta untuk hadir ke sekolah bersama anak untuk menerima pelaporan anak tuan/puan. Diharapkan ibu bapa dapat mengetahui dan memahami perkembangan pembelajaran anak tuan/puan berdasarkan pelaporan ini.

TARIKH	PERKARA	KELAS	TEMPAT	MASA
17-02-2023 (JUMAAT)	Penyerahan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Akhir Sesi Akademik Tahun 2022/2023	Tahun 1	Kelas 6A	7.30 pagi hingga 11.00 pagi
		Tahun 2	Kelas 1A	
		Tahun 3	Kelas 1B	
		Tahun 4	Dewan Sekolah	
		Tahun 5	Dewan Sekolah	

03. Demi memastikan kelancaran pelaksanaan penyerahan pelaporan bilik darjah, ibu bapa diminta hadir bersama anak pada hari tersebut, sekiranya ibu bapa mempunyai urusan dan tidak dapat hadir ke sekolah untuk menerima pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) anak, ibu bapa boleh mewakilkan orang yang bersesuaian dan dipercayai untuk menerima pelaporan tersebut. Ibu bapa hendaklah memaklumkan kepada guru kelas sama ada akan hadir sendiri atau mewakilkan wakil sebelum **16 Februari 2023 (Khamis)**.

04. **PERINGATAN MESRA:** Oleh kerana ruangan kawasan sekolah adalah TERHAD. Pihak sekolah amat berharap para ibu bapa / penjaga dapat memberikan kerjasama yang padu, bersabar dan bertolak ansur serta mematuhi arahan pihak sekolah agar pelaksanaan program Hari Ibu Bapa dapat berjalan dengan lancar.

05. Cuti akhir sesi akademik tahun 2022/2023 akan bermula pada **18 Februari 2023 hingga 19 Mac 2023** selama 4 minggu. Diharap para ibu bapa mengambil maklum dan memastikan anak-anak melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah sepanjang cuti sekolah ini. **Tarikh pembukaan sekolah bagi sesi baru 2023/2024 adalah pada 20 Mac 2023 (Isnin).**

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

MOK SUN FU

Guru Besar

SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.